

11/03/2004

Isu Maika antara punca Subramaniam digugurkan

M Thillinadan

KHABAR angin Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam, 60, akan digugurkan akhirnya menjadi kenyataan petang semalam. Persoalannya sekarang sama ada sejarah perjuangan Subramaniam selama lebih 40 tahun dalam parti dan kerajaan akan terkubur sama sekali.

Ini kerana pada Pilihan Raya Umum 1990, beliau juga mengalami nasib sama apabila digugurkan sebagai calon MIC dan Barisan Nasional (BN) kerana menentang Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu, dalam pemilihan parti pada 1989.

Turut menimbulkan tanda tanya bagaimana Samy Vellu akan menghadapi penyokong Subramaniam yang sudah memegang jawatan timbalan presiden parti itu sejak 1982 dan apakah pula reaksi mereka dalam keadaan genting ini, khususnya pilihan raya hanya tinggal 10 hari.

Persoalan besar yang bermain dalam fikiran ialah sama ada penyokong Subramaniam akan berpaling tadah daripada MIC dan BN kerana kecewa selepas pemimpin kesayangan mereka digugurkan.

Sanggupkah pengundi Segamat menerima calon baru selepas sudah lama serasi dengan Subramaniam di situ? Mungkinkah keadaan itu sudah diambil kira oleh Samy Vellu sebelum membuat keputusan yang agak drastik itu?

Jika pada 1990, Subramaniam digugurkan kerana menentang `bos', apakah alasan kali ini?

Menurut pemimpin parti yang rapat dengan Samy Vellu, Presiden MIC itu menyifatkan Subramaniam sebagai `pengkhianat dan tidak setia' khususnya selepas isu Maika Holdings dan saham Telekom Malaysia Bhd yang diberikan kepada MIC dibangkitkan semula hujung tahun lalu.

Selepas hampir 10 tahun `tersembunyi', isu itu muncul semula dan Samy Vellu dikatakan menuding jari ke arah Subramaniam dengan menyifatkannya sebagai musuh dalam selimut serta memberitahu rakan-rakannya: "Subra yang menggunakan M G Pandithan (Presiden Barisan Kemajuan India Malaysia - IPF) dan akhbar Tamil, Malaysian Nanban untuk menghina saya".

Hubungan mereka menjadi lebih parah apabila Subramaniam yang dicabar beberapa pemimpin kanan MIC dan Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas supaya menyatakan sokongan secara terbuka kepada bosnya juga enggan berbuat demikian, ketika isu itu menjadi hangat.

Seorang pemimpin kanan parti itu berkata: "Samy tidak dapat tidur lena hampir sebulan ketika isu Maika yang hangat dimainkan media", dan beliau hanya menunggu masa untuk membalas dendam terhadap Subramaniam yang disifatkannya sebagai dalang".

Jadi apabila Parlimen dibubarkan pada 4 Mac lalu, Samy Vellu menggunakan peluang itu untuk `menamatkan kerjaya politik' Subramaniam.

Beliau dikatakan mengadakan perjumpaan sulit dengan orang kepercayaan iaitu Naib Presiden MIC, Datuk G Palanivel dan Setiausaha Agung, S Sothinathan mengenai rancangannya untuk menjatuhkan Subramaniam. Ia menjadi kenyataan petang semalam.

Sumber parti berkata, Samy Vellu juga sudah memaklumkan mengenai rancangannya menggugurkan Subramaniam kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, ketika pertemuan mengenai pengagihan kerusi diadakan minggu lalu.

Bagaimanapun, tidak diketahui sama ada beliau mendapat restu Abdullah dan Najib untuk berbuat demikian.

Difahamkan, cubaan pada saat-saat akhir beberapa pemimpin kanan Umno lain untuk memujuk Samy Vellu supaya memaafkan Subramaniam juga tidak

berhasil kerana Samy Vellu dikatakan enggan berganjak.

Sejarah parti juga menunjukkan hubungan Samy Vellu-Subramaniam walaupun masing-masing menjadi presiden dan timbalan presiden sejak 1981, tidak pernah akrab. Mereka sangsi dengan kesetiaan masing-masing.

Sementara Samy Vellu bimbang Subramaniam secara diam-diam berusaha untuk menggulingkannya, Subramaniam pula tahu Samy Vellu akan `membunuh kerjaya politiknya' jika mendapat peluang kerana mahu menaikkan anak buahnya seperti Palanivel dan Sothinathan.

Subramaniam adalah anak didik bekas Presiden MIC, Tan Sri V Manikavasagam dan dikatakan diasuh sendiri oleh Manikavasagam untuk mengambil alih jawatan presiden satu hari nanti.

Bagaimanapun, Samy Vellu yang ketika itu mendapat sokongan peringkat akar umbi mengalahkan Subramaniam bagi jawatan timbalan presiden pada pemilihan 1978 dan apabila Manikavasagam meninggal dunia pada 1979, Samy Vellu secara automatik menjadi pemangku presiden sehingga 1981 dan disahkan sebagai presiden pada tahun sama, manakala Subramaniam menjadi timbalannya.

Hubungan mereka dikatakan menjadi baik selepas itu sehinggalah isu keranda membabitkan Pandithan.

Kejadian itu akhirnya membawa kepada pertandingan terbuka bagi jawatan presiden pada 1989 apabila Subramaniam mencabar Samy Vellu dengan bantuan seorang lagi naib presiden ketika itu, Datuk K Pathmanaban. Bagaimanapun, beliau kalah dan sebagai `hukuman' Samy Vellu menggugurkan kedua-duanya daripada menjadi calon BN pada Pilihan Raya Umum 1990.

Bagaimanapun, Subramaniam kembali semula pada 1991 apabila dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan dipilih sebagai Timbalan Menteri Pertanian atas jasa baik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada 1995, selepas hubungan Samy Vellu-Subramaniam pulih berikutan krisis 1989, beliau dicalonkan semula sebagai calon BN dan menang di Segamat serta dilantik menjadi Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kekal di jawatan itu sehingga Parlimen dibubarkan 4 Mac lalu.

Anehnya, calon yang dikemukakan Samy Vellu di Segamat kali ini juga bernama Subramaniam iaitu Dr S Subramaniam.

Katanya, ia hanya kebetulan dan bukan untuk mengaburi penyokong Subramaniam.